

BAB TIGA

IMPAK-IMPAK GERAKAN 4 MEI KE ATAS PERADABAN CINA

3.1 PENDAHULUAN

Sejak kekalahan dalam Perang Candu, negara China terhanyut oleh arus yang bergelora, sistem monarki tidak dapat menyediakan keadaan yang aman damai kepada rakyat jelata. Keadaan ini menyebabkan orang-orang Cina yang menerima pendidikan dan pengaruh dari Barat tidak yakin kepada kerajaan. Oleh itu, jalan penyelesaian dicari oleh orang-orang Cina yang patriotik bersungguh-sungguh.

Pada permulaannya, percubaan Gerakan Menguatkan Diri (self-strengthening) telah dicadangkan untuk menguatkan negara China dengan idea “belajar daripada kebaratan (biadab), dan menewaskan mereka semula.” Akan tetapi, percubaan ini menunjukkan kelemahan secara keseluruhannya selepas negara China ditewaskan dalam perperangan dengan Jepun pada tahun 1895. Dengan serta-merta, Kang Youwei (1858-1927) dan muridnya Liang Qichao (1873-1929) menasihati kerajaan supaya melaksanakan Reformasi 1898 ke atas institusi kerajaan dan masyarakat Cina. Malangnya, gerakan ini menemui tekanan daripada kerajaan yang konservatif. Justeru itu, cadangan untuk menggulingkan Dinasti Qing telah diseru oleh Dr. Sun Yat-Sen. Beliau berpendapat bahawa satu-satu caranya untuk membangunkan peradaban Cina semula ialah menjatuhkan sistem institusi monarki. Cita-cita ini telah kelihatan berjaya pada tahun 1911 akibat keruntuhan kerajaan autokratik negara China yang berterusan selama 4000 tahun, tetapi roh sistem pemerintahan emperor dihidupkan semula oleh Yuan Shikai.

Pada keadaan yang sesak ini, orang-orang Cina mendapat impak yang kuat bahawa pembangunan negara China hanya boleh dicapai dengan menghapuskan pemikiran tradisional. Mereka percaya, untuk menghapuskan pemikiran yang kuno ini, semua yang berkait dengan tradisional dan klasik mesti dirombakkan. Jadi reformasi dan revolusi mesti dilakukan secara keseluruhan.

Seolah-olahnya, satu turutan transformasi dari semua aspek mesti diikuti, misalnya untuk menguatkan ketenteraan maka sebuah pusat kerajaan yang kukuh dan berkesan mesti dibentukkan. Ini memang boleh dilihatkan daripada hujah yang diperkatakan oleh Hu Shi dalam bukunya *The Chinese Renaissance*:

tanpa memusatkan kuasa pengawalan, maka kegiatan-kegiatan ketenteraan, reformasi politik, dan perindustrian dalam lingkungan yang besar tidak dapat dicapai dengan mudah.⁴⁵

Manakala, syarat yang penting untuk menubuhkan satu kerajaan yang kuat adalah pemikiran orang-orang Cina perlu diorientasikan kepada konsep moden. Seterusnya, segala usaha pemodenan boleh berjaya pasti bertunjangkan pengetahuan yang moden. Oleh itu, sastera memainkan peranan yang utama sebagai titik permulaan terhadap pemodenan dan pemulihan kegemilangan negara yang dahulu.⁴⁶

Sebenarnya, percubaan Gerakan Menguatkan Diri, iaitu Reformasi 1898 yang berlaku terdahulu adalah berbeza dalam motivasinya. Pada waktu itu, pegawai-pegawai

⁴⁵Hu Shih (Hu Shi), *The Chinese Renaissance, The Haskell Lectures* (New York: Paragon Book Reprint Corp., 1963), hlm. 25.

⁴⁶Hal ini boleh difahamkan daripada buku-buku yang berkenaan dengan Gerakan 4 Mei, di sini saya merujuk kepada Huang Xiuyi, *Zhongguo Xian dai Wenxue Fazhanshi* (Sejarah Perkembangan Sastera Moden China) (Hong Kong: China Books Press, 1994).

kerajaan yang melancarkan reformasi atau gerakan-gerakan pembaharuan tidak berprasangka ke atas kebudayaan tradisional. Kebanyakan daripada mereka hanya berusaha untuk mencari satu jalan baru agar menyelamatkan rakyat negara dari keadaan sengsara. Ini tidak sama dengan semangat Gerakan 4 Mei yang bertujuan menjatuhkan dan memusnahkan kesemua nilai-nilai, kepercayaan, pemikiran dan institusi-institusi tradisional.

Jika kita mengimbas kembali fakta-fakta tentang Gerakan 4 Mei dalam bab kedua sebelum ini, Gerakan 4 Mei telah difahamkan oleh ahli sejarah dari beberapa sudut. Pertama, Gerakan 4 Mei yang mewakili suatu perasaan menentang Perjanjian Versailles merupakan satu titik permulaan yang diasaskan oleh intelektual semasa dan dilanjutkan dengan satu siri tindakan revolusi oleh rakyat jelata dalam sejarah Cina moden. Ketegangannya mencapai kemuncak semasa berlakunya konflik antara gerakan revolusi Komunis dan Nasionalis. Kedua, pada masa yang sama, gerakan pembinaan “peradaban baru” telah dilancarkan oleh pemimpin-pemimpin intelektual dengan menganjurkan kempen untuk mencampakkan unsur-unsur klasik dan berhasrat menggantikannya dengan kanun-kanun Barat pula dalam kelompok rakyat yang berpendidikan. Ketiga, oleh sebab Gerakan 4 Mei boleh disifatkan sebagai gerakan anti-tradisional, malah ia telah dikatakan sebagai satu gerakan anti-tradisional yang terkuat di dunia.⁴⁷

Usaha-usaha yang dilimpahkan oleh pemimpin-pemimpin gerakan semasa telah menghasilkan beberapa pencapaian. Antara pencapaian utama yang tidak dapat

⁴⁷ Lin Yusheng, *Zhongguo Chuantong De Zai Chuangzao Zhuanhua* (Transformasi dan Pengubahsuaian Tradisi Cina) (Beijing: Sanlian Shudian, 1992), hlm. 152.

dipersoalkan adalah Revolusi Sastera yang dilancarkan pada tahun 1917 bertujuan untuk membentuk bahasa yang baru iaitu bahasa pertuturan yang juga disebut sebagai bahasa vernakular. Bahasa pertuturan digunakan sebagai bahasa perantaraan dalam karya-karya kesusasteraan baru. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat. Kedua, pemikiran bertambah mekar selepas penerimaan idea-idea dan ideologi-ideologi Barat, dan ini telah menyebabkan kewujudan dua aliran yang bertentangan yang berkenaan dengan pembinaan semula masyarakat dan pembentukan semula negara bangsa. Antaranya ialah kumpulan konservatif dan kumpulan moden. Selepas ini, peradaban Cina bergelutan dan berjuang di antara dua aliran yang saling bercanggahan. Akhirnya, peningkatan semangat nasionalisme telah merangsangkan jiwa pemuda-pemudi Cina terutamanya golongan yang berpendidikan. Mereka sangat sensitif terhadap kesusahan yang dialami pada zaman moden dan giat berhajat untuk menjayakan matlamat yang disampaikan oleh mereka. Akibatnya, mereka telah mencetuskan perlawanan yang ganas dengan pemerintah imperialism dan tindakan ini telah berjaya mengakhiri persetujuan yang tidak adil tersebut.⁴⁸

Seperti yang dinyatakan oleh Dr. Hou Kok Chung, gerakan-gerakan sebelum Gerakan 4 Mei merupakan gerakan yang dimiliki oleh segelintir orang sahaja dan ia tidak dapat menyedarkan semua rakyat di negara China.⁴⁹ Sekian diketahui negara China telah meneruskan sistem pemerintahan autokratik dan diseimbangkan dengan sistem birokrasi selama lebih daripada dua ribu tahun. Sistem ini adalah berdasarkan ideologi Konfusianisme, maka hirarki sosial adalah tetap sebelum kemasukan ideologi kapitalisme

⁴⁸Immanuel C.Y.Hsu, *The Rise of Modern China* (New York: Oxford University Press, 1970), hlm. 601.

⁴⁹Hou Kok Chung, *Jin Wo Lai Si* (Kini Saya Berfikir) (Kuala Lumpur Omnipresence Publisher, 1993), hlm. 47.

terserap. Keadaan ini tidak dapat dikenalkan selepas idea kapitalisme Barat terserap ke dalam masyarakat Cina, ini membawa kepada perubahan sosial yang telah menyebabkan golongan peniaga tidak lagi dipandang rendah oleh orang ramai. Selain itu, keruntuhan sistem pendidikan tradisional juga menggugat kedudukan pegawai kerajaan. Orang berpelajaran tidak lagi bercita-cita menjadi pegawai, lantarannya pengelasan rakyat yang terdiri daripada petani, artis, peniaga dan pegawai kerajaan menjadi jelas. Akhirnya, dua kelas baru, iaitu orang tengah dan militaris menjadi dua daya sosial yang penting.⁵⁰ Dengan perkembangan ini, kejayaan Gerakan 4 Mei telah mendapat dorongan yang lebih meluas dan terbebas daripada pengaruh sistem pemerintahan dan sosial secara keseluruhan.

Jika pencapaiannya dinilai dari beberapa aspek, didapati bahawa Gerakan 4 Mei telah membawa kerjayaannya kepada negara China, misalnya ia berjaya memperkenalkan bahasa pertuturan yang mudah difahami serta membawa kemajuan kesusasteraan Cina, mematangkan pemikiran rakyat dan mengubah bentuk kekeluargaan serta status wanita.

3.2 ASPEK FALSAFAH DAN PEMIKIRAN

Gerakan 4 Mei membawa banyak implikasi kepada negara China dari segi politik, sosial dan kebudayaan. Gerakan ini memainkan peranan yang penting dalam pemodenan peradaban Cina dan merupakan satu gerakan modenisasi yang bertujuan untuk membina sebuah negara China yang baru melalui reformasi keintelektualan dan peradaban.

⁵⁰Immanuel C.Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm. 514.

Matlamat pemimpin Gerakan 4 Mei adalah untuk membentuk negara China yang baru dan moden. Pada pandangan mereka, cara untuk merealisasikan hasrat ini adalah menggantikan pemikiran yang kuno dan tradisi dengan pemikiran baru. Oleh itu, mereka sering mengutuk tradisi Cina secara keseluruhan, membangkitkan kesedaran tentang perlunya negara China menerima ilmu pengetahuan Barat dan menyokong pembentukan negara China yang moden dengan berasaskan sains dan idea-idea Barat.

Antaranya, Hu Shi merupakan salah seorang yang sering berdebat untuk mengasimilasikan pemikiran Cina dengan unsur-unsur Barat secara beransur-ansur. Beliau menyeru supaya menilai semula semua elemen peradaban Cina, dan mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh peradaban Cina pada masa itu supaya berkesan menerap pemikiran dan ilmu baru dari Barat. Bagi Chen Duxiu pula, apabila kembali dari Jepun pada tahun 1915, beliau telah mengasaskan majalah *Pemuda Baru* yang bertujuan untuk memberi inspirasi kepada golongan muda supaya membuang kepercayaan tradisional dan membina sebuah negara China moden yang berasaskan sains dan demokrasi. Chen Duxiu juga menyarankan supaya mereka bersifat progresif, agresif, bebas, kosmopolitan dan utilitarian.

Sejak beberapa abad yang lalu, negara China dipimpin dengan Konfusianisme. Konfusianisme sangat disanjung tinggi dan merupakan aliran falsafah teragung bagi negara China dengan penegasan “Tiada Konfusianisme, tiada China.”⁵¹ Namunnya kedudukan Konfusianisme telah dicabar apabila pemimpin Gerakan 4 Mei menyatakan bahawa moral yang dikemukakan oleh Kong Zi dan pengikutnya hanya sesuai bagi

⁵¹Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 293.

masyarakat yang hidup dalam sistem tradisional dan adalah tidak sesuai bagi masyarakat demokrasi. Kong Zi telah digunakan sebagai satu alat untuk menjadikan negara China diperintah dengan sistem monarki.

Para ahli Gerakan 4 Mei menuduh bahawa Konfusianisme dan tradisi lama haruslah dihapuskan secara keseluruhan untuk memodenkan negara China. Mereka banyak menulis artikel dan karya penulisan untuk menyedarkan masyarakat Cina tentang keburukan Konfusianisme dan tradisi, antaranya cogan kata telah diperkenalkan seperti “Jatuhkan Kong Zi dan anak-anaknya” dan “Campakkan Kong Zi dan anak-anaknya” agar meruntuhkan Konfusianisme dan tradisi lama. Dengan “bentuk baru” mereka bertentangan dengan cendekiawan tradisi. Guru-guru dan pelajar-pelajar muda selalu memperkenalkan diri sebagai intelektual elit yang baru di China.

Walaupun dianggapnya fahaman Barat adalah paling sesuai untuk masyarakat moden, Gerakan 4 Mei tidak berjaya untuk menghapuskan falsafah Konfusianisme dan tradisi Cina secara keseluruhan dalam jangka masa beberapa tahun sahaja memandangkan Konfusianisme dan tradisi Cina telah diamalkan oleh masyarakat Cina kira-kira 2000 tahun. Sungguhpun Konfusianisme mengalami nasib penghapusan, sebahagian besar daripada masyarakat Cina masih mengamalkan beberapa amalan Konfusianisme, misalnya kebanyakan orang Cina masih berpegang kuat terhadap *xiao* (taat setia kepada orang tua), dan ajaran Konfusianisme masih dipelajari oleh orang ramai dan digunakan bagi memupuk moraliti di kalangan masyarakat Cina. Keadaan ini boleh didapati daripada pelopor-pelopor Gerakan 4 Mei, di mana dari segi pemikiran, mereka

memang mengaplikasikan idea-idea Barat, tetapi dari segi moraliti dan kelakuan mereka masih memperlihatkan sifat-sifat tradisi lama.⁵²

Sungguhpun demikian, ekoran daripada galakan penerimaan idea Barat oleh para ahli Gerakan 4 Mei, pelbagai aliran pemikiran yang baru seperti skeptisme, romantisme, liberalisme, realisme dan anarkisme telah wujud dalam pemikiran keintelektualan baru di samping idea-idea Barat seperti demokrasi, sains, liberalisme, pragmatisme, humanitarianisme, sosialisme dan lain-lain juga telah muncul.⁵³ Secara keseluruhan, jika dilihat dalam aspek falsafah dan pemikiran, pemikir-pemikir ini sebenarnya hanya memodenkan dan menghapuskan sebahagian aliran pemikiran yang kuno tetapi bukan sepenuhnya. Namunnya, melalui Gerakan 4 Mei, tumpuan masyarakat Cina terutamanya generasi muda telah teralih kepada idea saintifik dalam membuat keputusan, dan memupuk sikap objektif, memandang ke depan dan sentiasa bersedia merujuk kepada idea-idea Barat.

Oleh sebab rancangan Hu Shi atas menyambut lawatan John Dewey ke negara China pada tahun 1919 selama dua tahun, “cara sains” Dewey telah menimbulkan fikiran yang lain dalam minda pemikir-pemikir Cina. Dengan lawatan ini, Hu Shi telah berjaya menerapkan “cara sains” ke dalam pemikiran Cina dan ini menjadi faktor utama Gerakan Pemodenan Peradaban Cina. Dewey tiba di Shanghai pada bulan Mei, dan menyampaikan kuliahnya sebanyak seratus lima puluh kali yang berkenaan ilmu-ilmu falsafah, pendidikan dan politik. Sambutan kepada Dewey telah mencapai tahap yang

⁵²Lin Yusheng, *Wusi: Duo Yuan de Fansi* (Gerakan 4 Mei: Pemikiran yang Pelbagai Rakam), hlm. 115

⁵³Lin Yusheng, *Wusi: Duo Yuan de Fansi* (Gerakan 4 Mei: Pemikiran yang Pelbagai Rakam), hlm. 182.

tinggi dan suasana menuntut keintelektualan turut menjangkau kemuncaknya pada masa itu. Dalam majalah *Pemuda Baru*, Chen Duxiu memuji John Dewey dengan setinggi-tingginya. Chen berkata, “Kita mempercayai syarat utama pmodernen negara China ialah sains dan falsafah pragmatik, tetapi bukan kepercayaan yang sihir.”⁵⁴ Selepas pengenalan “Encik Sains” dan “Encik Demokrasi” oleh Chen, kedua-dua orang ini telah menjadi matlamat perdana dalam pmodernen negara China.

Sanjungan ke atas idea-idea Barat telah menyebabkan pertikaian yang hebat. Contoh yang ternyata ialah kontroversi antara sains dan metafizik. Sepanjang pertikaian ini, kegunaan sains dalam pembentukan pandangan hidup telah dipertikaikan. Melalui pertikaian ini beberapa pernyataan telah ditimbulkan. Antaranya ialah:

- (1) takrifan sains, metafizik, dan pandangan hidup;
- (2) hubungan sains dengan metafizik dan pandangan hidup, serta hubungan antara metafizik dan pandangan hidup;
- (3) hubungan antara sains dan cara saintifik atau logik;
- (4) perbezaan dan hubungan antara metafizik dan falsafah;
- (5) masalah epistemologi dan kontroversi yang berkenaan;
- (6) keesahan sebab akibat bagi pengajian fenomena psikologi;
- (7) hubungan bagi emosi dan pandangan hidup;
- (8) masalah minda dan kejadian;
- (9) skop sains dan falsafah;
- (10) kesesuaian sains sosial sebagai sains;
- (11) hubungan sains dan keagamaan.⁵⁵

Kalau ditelitian, perbahasan kedua-dua pihak yang terlibat merupakan kontroversi antara idealisme dan pragmatisme yang masing-masing diwakili oleh Carsun Chang (Zhang Junmai, 1886-1969) dan Hu Shi. Isu-isu yang diperbahaskan telah

⁵⁴Chen Duxiu, “Xin Qingnian Xuanyan” (Catatan Pemuda Baru) dipetik daripada *Chen Duxiu Wencun* (Koleksi Esei Chen Duxiu) (Wuhu: Anhui Renming Chubanshe, 1987), hlm. 245.

⁵⁵Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 335.

berkembang dengan meluas sehingga menyentuh soal yang berkait dengan kebebasan kehendak dan determinisme yang memang sukar dijelaskan melalui perbahasan seperti ini. Kontrovesi ini meruncing melalui satu petikan yang bernama “Pandangan Hidup” (*rensheng guan*) yang ditulis oleh Zhang Junmai pada bulan Februari 1923. Zhang meragui unsur-unsur Barat seperti industrialisme, kapitalisme, dan saintisme. Zhang lantarananya mengkritik pemodean Barat tertimbul kekurangan seperti kejelakaan, ketidakadilan, dan kekejaman di urbanisasi bandar. Beliau berkata, “Tidak kira betapa pesat sains dikembangkan, ia tetap tidak dapat menyelesai masalah pandangan hidup.”⁵⁶ Beliau meminta pembangkitan semula Konfusianism baru bagi Dinasti Song dan Ming.

Pendirian Zhang telah mendapat tentangan yang keras daripada sesiapa yang percaya dalam sains. Orang yang pertama menentang ialah sahabat karib Hu Shi iaitu Ding Wenjiang (V. K. Ting, 1887-1936), seorang ahli geologi yang terkenal. Beliau menuduh Zhang seorang yang telah mewarisi “syaitan metafizik Eropah”. Ini telah melahirkan perbahasan yang hangat dan berpanjangan selama satu tahun. Dengan suatu kepercayaan terhadap sains dan pandangan kosmologi yang meyakinkan, Hu telah membala kritikan Zhang. Beliau menekan bahawa manusia harus menggunakan rohani, sahsiah dan cara sains untuk membereskan masalah kehidupan praktikal.⁵⁷

Kekuasaan dan keyakinan terhadap sains telah bertambah kukuh di kalangan rakyat Cina. Pemikir-pemikir Cina yang menyanjungi ilmu sains kadang-kadang

⁵⁶Zhang Junmai, “Rensheng Guan” (Pandangan Hidup), dalam *Kexue Yu Rensheng Guan* (Sains dan Pandangan Hidup) (Shanghai: Yadong Tushuguan 1935), jilid pertama, petikan pertama, hlm. 9.

⁵⁷Hou Kok Chung, “Hu Shi: A Pragmatist and Reformist” (Thesis Ph.D, University of London, 1998), hlm. 119-120.

melampaui pemikiran falsafah sains yang sepatutnya. Umpamanya, Hu telah mewujudkan suatu sistem penilaian kepada fakta-fakta saintifik yang beliau beranggapan boleh merangkumi lingkungan yang bukan bidang sains. Beliau mengabaikan hakikat bahawa hukuman sains adalah neutral nilainya, dan pemutusan penilaian adalah tidak harus diperoleh daripada fakta-fakta saintifik.⁵⁸

Walaupun perbahasan ini tiada menghasilkan kesimpulan dan kelihatan kekurangan ciri-ciri akademik, ia telah mempengaruhi pemikiran Cina selepasnya. Pencapaian utama akibat perbahasan ini adalah kesukaan terhadap sains dan penolakan terhadap agama. Dengan “pandangan hidup yang saintifik,” mereka berharapan mengikut jejak langkah Barat yang berjaya mengetepikan keagamaan dan membina suatu sistem sekular yang baru bagi peradaban Cina. Serta-merta, secara analogi Konfusianisme akan ditolak ke sebelah perkembangan peradaban. Fakta ini menunjukkan perubahan ini akan menemui rintangan yang serius kerana elemen keagamaan merupakan ciri penting sepanjang pembangunan peradaban Barat.⁵⁹

Penerapan ideologi-ideologi Barat terus berleluasa, selain sains dituruti, ideologi demokrasi Barat juga mengaut roh-roh orang Cina. Ahli-ahli pemodenan tidak berhenti-henti mengkritik nilai-nilai tradisi. Faktor ini memang penting dalam zaman pemodenan di seluruh pelusuk dunia yang di bawah cengkaman kolonialisme. Sejak penjajahan negara-negara Eropah, negara-negara yang dijajahi oleh kuasa Barat menjadi semakin lemah akibat serangan dan polisi eksploitasi perdagangan mereka. Akan tetapi demi

⁵⁸ Hou Kok Chung, “Hu Shi: A Pragmatist and Reformist”, hlm. 122.

⁵⁹ Hou Kok Chung, “Hu Shi: A Pragmatist and Reformist”, hlm. 124.

pembangunkan semula keadaan kegemilangan Timur, mereka pula terpaksa meminta bantuan Barat dan belajar daripada mereka supaya menguatkan diri sendiri. Justeru itu, sebagai perkakas yang penting, bahasa Cina telah diubah supaya berpadan dengan kehendak-kehendak pemodenan. Melalui pengubahsuaian bahasa, pelbagai pencapaian telah disampaikan.

3.3 ASPEK BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Aspek ini merupakan satu perubahan yang meninggalkan kesan yang terserlah dan sangat mustahak kepada usaha pembaharuan peradaban Cina. Dengan pengubahsuaian bahasa dan kesusasteraan, penyaluran dan penerapan ilmu-ilmu baru dapat ditingkatkan supaya rakyat Cina mampu menunggang arus perkembangan peradaban sedunia. Daripada pendekatan yang lebih panjang ini, kita akan memahami hubungan antara golongan intelektual ataupun rakyat Cina dengan sosial dalaman dan kebudayaan asing.

Dalam tempoh berlakunya Gerakan 4 Mei dan selepasnya, banyak bahan bacaan sama ada diterjemahkan dari Barat atau dihasilkan oleh ahli-ahli sastera Cina bertambah dengan banyak dan penerbitan yang baru ini kebanyakannya meliputi aspek penting dalam pengetahuan moden serta isu kehidupan yang menjadi perhatian umum. Semuanya adalah berbeza dengan penerbitan sebelumnya, iaitu karya-karya yang berunsurkan realisme.⁶⁰

Dengan perasaan yang memuji-muji kelebihan Barat, segala ideologi Barat yang dianggap boleh membangunkan negara telah diterima dan disebar secara seluas-luasnya

⁶⁰Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 180.

di kalangan orang Cina, sebaliknya pemikiran tradisional diketepikan dan dibuang ke sebelah. Akibatnya, revolusi pemikiran pasti mendatangkan Revolusi Sastera.⁶¹ Hal ini kerana kesusasteraan Cina yang menitikberatkan sastera yang baik ialah sastera yang mengandungi fikiran Konfusianisme dan *dao* (*wen yi zai dao*), iaitu karya-karya yang ditulis harus terkandung dengan nilai-nilai murni tinggi. Mutu sesuatu karya akan ditimbang mengikut nilai-nilai murni yang terkandung dalam isinya. Petikan di bawah jelas memperlihatkan implikasi ini,

Walaupun tidak bermaksud mesti terhad kepada pengikut-pengikut Konfusianisme, terutamanya mengait-ngaitkan dengan doktrin dan zaman itu, khususnya, selepas Konfusianisme mendapat pengakuan sebagai kepercayaan rasmi kerajaan pada abad kedua sebelum masih, ia telah mewarnakan semua sastera Cina dari segi teori dan amalan. Sebagai contoh, bentuk ini mencorakkan kerja-kerja sastera sarjana-sarjana seperti lagu-lagu orang ramai dalam *Buku Sajak*. Untuk menekankan erti-erti politik daripadanya, ia telah mengabaikan bentuk-bentuk sastera yang lain.⁶²

Secara umumnya, ciptaan karya-karya klasik adalah terbatas kepada ideologi Konfusianisme, dan bahasa yang digunakan pula banyak berbeza daripada bahasa pertuturan harian. Selepas Revolusi Sastera, sasterawan-sasterawan dan intelektual-intelektual Cina mula memperkenalkan karya-karya dan teori-teori Barat ke negara China. Konsep ideologi-ideologi seperti demokrasi, saintifik, pragmatisme, individualisme, romantisme dan lain-lain satu-persatu diperkenalkan agar menggantikan pemikiran yang “kolot”. Hal ini jelaskelihatan dalam “iconoclasm” yang berlaku di negara China.

⁶¹Boleh difahamkan dalam buku diterbit oleh Huang Xiuyi, *Zhongguo Xiantai Wenxue Fazhansi* (Sejarah Perkembangan Sastera Modern Cina), hlm. 21.

⁶²Burton Watson, *Early Chinese Literature* (New York: Columbia University Press, 1962), hlm. 6.

Hu Shi memainkan peranan yang penting dalam Gerakan 4 Mei dan telah menyumbang jasanya dalam bidang bahasa dan kesusasteraan. Beliau yang bersama dengan Chen Duxiu telah merasmikan bentuk baru kesusasteraan yang bertujuan menjadikan sastera sebagai alat untuk membentuk peradaban Cina semula dan menggalakkan rakyat Cina menggunakan sistem bahasa Cina yang sederhana, ringkas dan lebih mudah. Hu Shi telah mengkritik bahan hasilan kesusasteraan Cina pada masa itu yang banyak mengikuti corak lama dan terdapat kekaburan isi dalam hasil penulisan mereka. Beliau menyatakan bahawa bahasa klasik merupakan bahasa yang sukar difahami dan telah digunakan untuk mengekalkan kedudukan dan keistimewaan golongan atasan. Jadi, beliau telah mengemukakan “Lapan Prinsip Tidak Mematuhi” (*Ba Bu Zhuyi*) yang meminta supaya sastera moden tidak mematuhi corak bentuk kesusasteraan tradisional dalam majalah *Penulis Baru* bagi tujuan menyelamatkan kesusasteraan Cina dengan mengikut pandangannya:

1. Mengelakkan daripada penggunaan bentuk kiasan klasik.
2. Menghapuskan frasa kesusasteraan yang lama.
3. Menghapuskan cara pembinaan ayat yang bersetentangan.
4. Tidak harus menulis perasaan kesakitan, dan bersedia sekiranya tiada perasaan. sedemikian sebenarnya.
5. Menggalakkan penggunaan perkataan dan bahasa pertuturan.
6. Karya mesti dituliskan mengikuti tatabahasa kesusasteraan.
7. Karya yang ditulis harus mencerminkan keperibadian diri sendiri dan bukannya hasil penulisan pada zaman silam.
8. Karya yang ditulis harus terkandung dengan makna dan intipati yang sebenar.⁶³

Hu Shi dengan agresifnya menyatakan “Bahasa klasik telah mati begitu lama, tidak boleh dijadikan sebagai bahasa perantaraan kesusasteraan yang bernyawa bagi

⁶³Hu Shi, *Wenxue Gailiang Chuyi* (Cadangan Pengubahsuaian Sastera), *Hu Shi Zuopin Ji 3* (Koleksi Hu Shi Ketiga) (Taipei Yuanliu Chuban Gongsi, 1986), hlm. 5-6.

bangsa yang hidup. Kesusasteraan masa depan negara China mestilah ditulis dalam bahasa rakyat yang hidup... Tiada bahasa yang mati dapat menghasilkan kesusasteraan dan bahasa yang bernyawa...”⁶⁴ Sejak Hu Shi menerbitkan *Wenxue Gailiang Chuyi* (Cadangan Pengubahsuaian Sastera) pada Januari, 1917, pengaruh petikan ini dipupuk oleh Chen Duxiu dengan artikel *Wenxue Geming Lun* (Perbahasan Revolusi Sastera). Jadi *bai hua* (bahasa pertuturan sehari-hari) giat digunakan dan bahasa klasik (*wen yan*) diabaikan.⁶⁵ Masa itulah boleh dikatakan tercetusnya Revolusi Sastera.⁶⁶ Oleh itu, satu jenis bahasa baru yang dikenali *bai hua* dan mandarin telah diperkenalkan untuk menggantikan suatu loghat yang lebih popular sebagai satu piawaian bagi tulisan pada tahun 1919 dan juga menggantikan *wen yan* yang sukar difahami.⁶⁷ Pada 12 Januari 1920, Menteri Pendidikan telah mengeluarkan satu ordinan untuk melengkapkan bahasa pertuturan yang berperanan menggantikan sastera *wen yan*. Secara umum, bahasa pertuturan diwajibkan diajar di semua sekolah menengah tinggi. Selain itu, semua sekolah dikehendaki menggunakan buku teks bahasa Mandarin kecuali mata pelajaran

⁶⁴Pada tahun 1916, reformis-reformis dengan beraninya mengumumkan (1) bahasa klasik telah mati, kerana ia jarang digunakan oleh orang ramai, (2) bahasa pertuturan ialah bahasa yang bernyawa, ia satu-satunya bahasa yang mampu mencipta karya-karya Cina yang hidup, maka bahasa pertuturan akan menjadi bahasa terutama dalam kesusasteraan Cina yang terutama, (3) ahli revolusi sastera mengkritik bahasa klasik terlalu berbatasan dan hanya terhad kepada etika dan realisme. Fahaman tradisional akan digantikan dan akan diinterpretasikan dengan idea baru, jadi kewujudan sastera adalah untuk sastera atau hanya untuk menerapkan pemikiran baru sahaja, (4) *Chinese Phonetic Alphabet* bukan sahaja berperanan sebagai alat pengajaran bahasa Mandarin tetapi ia sendiri juga sebagai *han zi* (tulisan Mandarin).

⁶⁵Chen Duxiu, *Chen Duxiu Zhuzuoxuan* (Koleksi Pilihan Penulisan Chen) (Shanghai: Shanghai Renmin Chubanshe, 1993), jilid pertama, hlm. 260-263.

⁶⁶Peng Ming, *Wusi Yundong Shi* (Sejarah Gerakan 4 Mei) (Beijing: Renmin Chubanshe, 1998), hlm. 157-157.

⁶⁷Petikan Chen Duxiu, “Jinggao Qingnian” (Mesej Kepada Belia) pula mengatakan hasil sastera patut berpandangan sejagat, pragmatisme, dedikasi (individualistik), saintifik dan utiliti tetapi tidak berbual-bual kekosongan. Maka terbuktilah stimulasi Barat membawa impak yang begitu dalam kepada kesusasteraan Cina. Petikan “Jinggao Qingnian” dicatatkan dalam buku *Chen Duxiu Zhuzuo Xuan* (Koleksi Chen Duxiu), (Shanghai: Renmin Chubanshe, 1993), pertama pertama, hlm. 134.

kesusasteraan Cina dan pada tahun 1920, bahasa pertuturan telah diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan negara China.⁶⁸

Sejak kebelakangan itu, *bai hua* telah menjadi suatu yang dominan dalam media massa, misalnya terdapat kira-kira 400 jenis bacaan media massa yang dicetakkan dalam *bai hua* oleh pertubuhan-pertubuhan pelajar di negara China. Contohnya majalah-majalah *Pemuda Baru*, *Aliran Baru* dan sebagainya. Ekoran itu, syarikat-syarikat penerbitan majalah mahupun surat khabar telah berkembang bagaikan cendawan selepas hujan. Penggunaan *bai hua* ini secara tidak langsung telah mempercepat proses penyebaran pengetahuan Barat dan juga telah meningkat semangat kebangsaan serta perpaduan negara.

Sebenarnya, cadangan-cadangan yang diluahkan oleh mereka pasti dipertikaikan oleh sebahagian intelektual yang menyokong nilai-nilai tradisional. Ini boleh dilihatkan daripada penubuhan kumpulan yang sebagai pembangkang kepada revolusi sastera dalam Universiti Peking seperti Liu Shipei (1884-1920) dan Gu Hongming (1856-1928). Kumpulan pembangkang ini menyatakan kemerosotan negara China bukan disebabkan oleh ajaran Konfusianisme, malah ajaran Kong Zi dapat membina satu nilai etika yang kukuh dalam arus pemodenan ini. Mereka mengatakan bahawa bahasa klasik akan secara perlahan-lahan digantikan oleh bahasa pertuturan, memandangkan perkembangan ini tidak memerlukan “revolusi”. Akan tetapi, secara keseluruhannya mereka tidak dialukan oleh remaja-remaja Cina kerana rakyat yang bersengsara itu lebih berpihak kepada sesiapa yang mempamerkan perubahan yang baru dengan radikal.

⁶⁸Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 279

Arus perkembangan kesusasteraan sedunia juga melandai sasterawan-sasterawan di negara China. Menurut kenyataan Lu Xun (1881-1936), iaitu seorang penulis termasyhur pada masa tersebut, Revolusi Sastera bukan sahaja disebabkan oleh permintaan sosial, ia juga dipengaruhi oleh kesusasteraan Barat. Menurut beliau lagi, pembentukan kesusasteraan baru Cina adalah disebabkan oleh penghayutan kesusasteraan luar negara.⁶⁹ Beliau mengambil contoh sajak Barat seperti Mary Shelley, Aleksander Pushkin, dan Sandor Petofi untuk meningkat kesedaran masyarakat melalui pengenalpastian kelebihan sastera dan mereka memetik idea-idea umpamanya Thomas Carlyle, Friedrich Nietzsche, dan Georg Brandes untuk menghapuskan ketidakadilan dan rasuah yang kononnya dapat menyedarkan sasterawan Cina untuk berhadapan dengan kerajaan yang tidak efektif.⁷⁰ Kesusasteraan yang memberi pengaruh yang besar adalah seperti negara-negara Barat, Jepun dan Rusia. Hal ini telah dibuktikan dengan statistik oleh Guo Moruo (1892-1978) yang mengatakan bahawa sastera moden Cina banyak disumbang oleh pelajar-pelajar yang balik dari Jepun. Manakala hasilan sastera Rusia seperti Leo Tolstoy, Fyodor Dostoyevsky, Nikolay Gogol, Anton Chekhov, dan sebagainya banyak memberi idea kepada sastera Cina dan tersebar luas di negara China menerusi translasi. Pengaruh karya Rusia telah ditekankan oleh Lu Xun dan Qu Qiubai (1899-1935).⁷¹

Selepas Revolusi Sastera, kesusasteraan moden Cina mencapai satu tahap yang gemilang dan unggul. Cerpen, skrip drama, sajak, novel, karya dongeng, prosa dan seloka

⁶⁹Huang Xiuji, *Zhongguo Xiandai Wenxue Fazhansi* (Sejarah Perkembangan Sastera Moden China), hlm. 9-10.

⁷⁰Merle Goldman, *Modern Chinese Literature in the May Fourth Era* (Cambridge: Harvard University Press, 1977), hlm. 38.

⁷¹Merle Goldman, *Modern Chinese Literature in the May Fourth Era*, hlm. 37-103.

telah menggambarkan satu imej pembentukan yang baru. Perubahan ini telah secara langsungnya menyebabkan bahasa Mandarin dalam bentuk *bai hua* menjadi bahasa rasmi negara China secara rasminya pada tahun 1955 yang digelar sebagai *putong hua*. Bahkan, untuk lebih menunjukkan tulisan yang praktikal dan sesuai dengan kehendak zaman tulisan Cina telah dimudahkan kepada 1/3 (secara keseluruhannya) daripada tulisan asal, namun kehilangan estetik dan makna semula jadinya.

Impak yang terutama daripada kesan Revolusi Sastera adalah kesusasteraan itu sendiri. Corak kesusasteraan baru telah berubah mengikut tiga cara, iaitu pertama, menerima corak sastera dari luar negeri yang menggambarkan kehidupan harian rakyat; kedua, memodenkan sastera klasik dan akhirnya bersama-sama menyerap sastera sendiri dan Barat untuk mencipta kesusasteraan yang baru seperti skrip drama yang merupakan benih kepada drama tarian moden.⁷²

Kesusasteraan Cina baru telah terterap kepada unsur humanistik yang kukuh sehingga hari ini. Sasterawan Zhou Zuoren (1885-1967) dalam eseinya *Ren de Wenxue* (Sastera Insan) ternyata menegaskan implikasi ini. Sebenarnya ini adalah berkait dengan keadaan sosial yang huru-hara, dan pembinaan bangsa semula telah menjadi fokus kepada penulis-penulis Cina. Jadi, ini pasti mengaitkan sastera dengan unsur kemanusiaan. Kesusasteraan baru terkandung dengan elemen-elemen politik, realiti dan perlawanan, maka kebanyakan penggerak revolusi ini terdiri daripada sasterawan, sementara itu juga sebagai revolusionaris dan ahli pemikiran yang terkenal. Fahaman

⁷²Huang Xiuji, *Zhongguo Xiandai Wenxue Fazhanshi* (Sejarah Perkembangan Sastera Modern Cina), hlm. 12.

perikemanusiaan yang disampaikan oleh mereka sering diiringi dengan unsur sifat individualistik yang tersurat atau tersirat dalam hasilan sasterawan mereka, terutamanya Lu Xun, Zhou Zuoren dan Hu Shi ialah sasterawan juga.⁷³

Seperti yang dikatakan, kebanyakan isi kandungan kesusasteraan moden Cina adalah berasaskan gambaran keadaan kehidupan bangsa negara dan mencungkil emosi mereka. Umpamanya, cerpen yang ditulis oleh Lu Xun seperti *Diari Orang Gila Cerita Sebenar Ah-Q* dan *Kong Yiji*, sajak yang ditulis oleh Guo Moruo (1892-1978), Wen Yiduo (1899-1946) dan Xu Zhimo (1896-1931), Manakala novel yang dihasilkan oleh Mao Dun (1896-1981) adalah sentiasa menyentuh masalah dan kebahagiaan kehidupan bangsa. Ramai daripada mereka merupakan sasterawan yang realistik, dan pengaruh mereka telah menentukan perkembangan sejarah kesusasteraan Cina sehingga hari ini. Tidak hairanlah penulis-penulis hari ini adalah terdiri daripada penulis realisme bahkan penulis novel lebih popular daripada penulis sajak.

Selain itu, skrip drama yang diterbit oleh Cao Yu (1910-1996) juga menunjukkan satu perubahan yang besar berbanding dengan sebelumnya. Dengan penggunaan *bai hua*, drama yang memang memerlukan bahasa pertuturan telah giat dihasilkan. Karya-karya seperti *Zhou Wenjun* dan *Wang Zhaojun* merupakan karya yang mendapat sambutan yang baik. Adakala, disebabkan ideologi-ideologi demokrasi, humanisme, egalitarianisme dan sistem etika baru yang sedia ada, skrip drama baru berani membuat bantahan kepada tuduhan moraliti tradisional seperti *Pan Jinlian* di mana perempuan

⁷³Zhou Changlong, *Xin Sichao Yu Chuantong* (Pemikiran Baru Dan Tradisi) (Taipei: Shibao Wenhua, 1995), hlm. 13-14.

yang dianggap tidak bermoral telah dipulih imejnya semula melalui karya sastera skrip drama ini.⁷⁴

Revolusi Sastera ada kebaikan dan kelebihannya. Sejak daripada permulaan, revolusionaris baru ini paling bertentangan dengan apa juar elemen yang tradisional. Walaupun mereka benci akan doktrin-doktrin yang kuno, secara tidak sedar mereka terikat kepada doktrin-doktrin baru dari Barat. Mereka mengagung-agungkan ideologi kebaratan dan bertungkus-lumus memodenkan Cina secara keseluruhan. Natiyahnya, mereka menerima semua teori revolusi secara bulat-bulat tanpa membuat penyesuaian sehingga mengalami kerugian susah yang hendak dinilaikan.⁷⁵

Namun demikian, pemusnahan ke atas harta pusaka tradisi semasa Gerakan 4 Mei tidak menunjukkan keberkesanannya dalam pembinaan masa depan negara China, tetapi ia telah mendapat pencapaian yang hebat dalam Revolusi Sastera. Dua pencapaian yang utama, iaitu Revolusi Sastera yang mengukuhkan penggunaan *bai hua* pada tahun 1920 dan kewujudan kesusasteraan baru dalam corak bahasa pertuturan yang berdasarkan kepada humanitarianisme, romantisme, realisme dan nasionalisme; kini memainkan peranan yang didaktik untuk membangkitkan kesedaran masyarakat sehingga mencapai tahap yang berubah daripada revolusi kesusasteraan kepada sastera yang berevolusi.

Ternyata, keajaiban dan kesenian tulisan Cina pada hari ini merupakan satu kesan daripada Revolusi Sastera. Seorang penulis Cina yang berada di Perancis telah

⁷⁴Huang Xiuji, *Zhongguo Xiandai Wenxue Fazhansi* (Sejarah Perkembangan Sastera Modern Cina), hlm. 189.

⁷⁵Huang Xiuji, *Zhongguo Xiandai Wenxue Fazhansi* (Sejarah Perkembangan Sastera Modern Cina), hlm 42.

memperoleh hadiah Nobel Sastera bagi tahun 2000, di mana beliau ialah penulis novel dan skip drama. Kejayaan ini melambangkan kecerahan masa depan kesusasteraan Cina yang merupakan hasil usaha Revolusi Sastera.⁷⁶

3.4 ASPEK KEKELUARGAAN DAN KEWANITAAN

Akibat pertembungan dengan kuasa Barat, identiti Cina telah dipamerkan dan kelemahannya telah timbul dengan jelas. Sebaliknya, kecemerlangan dan kemajuan Barat pula diagung-agungkan. Dengan inilah bercambahnya idea-idea Barat yang baru ini, tapak sistem kekeluargaan dan konsep kewanitaan turut diubahsuai.

Mengikut tradisi peradaban Cina, sistem kekeluargaan dianggap sebagai tesis kepada masyarakat Cina. Keluarga adalah sangat penting dalam kehidupan orang-orang Cina. Sistem kekeluargaan Cina mementingkan unit asas untuk membentuk sebuah negara yang sempurna. Secara umumnya, kekeluargaan Cina terbahagi kepada tiga bentuk iaitu keluarga nukleus, keluarga tunggak dan keluarga bergabung.

Keluarga nukleus merangkumi suami, isteri dan anak. Bapa sebagai ketua keluarga, anak lelaki bertanggungjawab sebagai ketua yang berperanan membantu ekonomi keluarga dan menyembah nenek moyang yang telah meninggal dunia, manakala anak perempuan akan mengikuti kehidupan suami selepas berkahwin. Apabila bilangan ahli keluarga bertambah dengan sebabnya seorang anak lelaki telah berkahwin, maka bentuk keluarga nukleus akan berkembang menjadi bentuk keluarga tunggak. Bagi

⁷⁶Qiu Liben, “Wenhuan de Guangmang Chuantou Zhengzhi” (Kegemilangan Kebudayaan Menembusi Polotik) *Yazhou Zhoukan (Asia Week)* (koleksi 14, jilid 51, 18-24 Disember) (Taipei, Yazhou Zhoukan Sdn. Bhd., 2000), hlm. 26-36.

keluarga asas yang berada, keluarga bergabung akan dikenakan dalam suatu perkarangan yang sama sungguhpun lebih daripada seorang anak lelaki telah menubuhkan keluarga mereka masing-masing. Tidak kira apa-apa bentuk keluarga didiami, sistem kekeluargaan Cina pasti mengutamakan keharmonian keluarga melalui konsep taat setia kepada ibu bapa; kasih sayang daripada ibu bapa kepada anak-anak; dan kehormatan antara anak-anak sekeluarga. Dengan konsep-konsep ini, orang-orang Cina percaya bahawa keluarga yang harmoni akan melahirkan negara yang sempurna, namun pertalian kekeluargaan yang ketat ini telah membataskan kebebasan dan kreativiti seseorang ahli keluarga.

Pada awal tahun 1916, Chen Duxiu telah mencadangkan sistem keluarga yang baru. Menurut pandangan beliau, ajaran, etika, dan sistem persaudaraan dan keluarga orang Cina adalah fanatic dan tanpa mempersoalkan kebenarannya serta kerasionallannya. Sejak itu, generasi muda mula menentang sistem perkahwinan yang menghalang mereka daripada menyuarakan pendapat dalam hal memilih jodoh mereka dan membangkang kekuasaan ibu bapa terhadap keseluruhan proses perkahwinan. Akhirnya, perkahwinan secara paksaan yang diaturkan oleh ibu bapa telah digantikan dengan cara bebas pemilihan sendiri.

Selepas Gerakan 4 Mei, sistem keluarga tradisional telah merosot akibat berlakunya ‘revolusi keluarga,’ iaitu unit keluarga yang sangat memasung kebebasan dan perkembangan individu serta menekankan kepatuhan sistem persaudaraan dan kekeluargaan mula pecah kepada unit-unit yang kecil.⁷⁷ Kelonggaran penyekatan kebebasan individu secara tidak langsung juga membebaskan kaum wanita daripada

⁷⁷Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 364.

kongkongan amalan tradisional. Pada masa dahulu, wanita Cina sering dipencarkan daripada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, iaitu disekatkan daripada pelbagai hubungan sosial dan aktiviti-aktiviti. Idea yang tersirat dalam Konfusianisme mengandungi konsep hirarki sosial yang tidak sama rata. Perempuan selalu ditempatkan di kedudukan yang paling bawah dalam hirarki sosial. Mereka dilayan sebagai benda tambahan kepada lelaki dan hanya menikmati kebebasan yang terhad dalam rumah. Mereka kekal sebagai *neiren* (orang dalam rumah).⁷⁸ Kedudukan wanita berbeza dengan kedudukan lelaki, perempuan tidak boleh menjadi ketua keluarga dan menyumbangkan tenaga untuk membantu ekonomi keluarga. Tambahan pula, anak perempuan terpaksa mengikuti suami selepas berkahwin dan tidak akan dihormati oleh ahli-ahli keluarga lelaki sekiranya tidak melahirkan anak lelaki.

Biasanya terdapat tiga zaman yang dialami oleh seseorang wanita, iaitu zaman gadis, zaman ibu dan zaman tua. Terdapat kepentingannya dalam setiap peringkat tersebut. Semasa zaman gadis, anak perempuan diajar budaya hidup supaya diterima oleh masyarakat manakala wanita akan memainkan peranan menjalin kesinambungan keluarga dan mendidik tatatertib anak-anak pada zaman ibu. Pada peringkat zaman tua, seseorang wanita akan dihormati oleh semua ahli keluarga namun tetap tertunduk di bawah kuasa lelaki. Bagi tradis Cina, wanita diminta menurut tiga perkara, iaitu taat kepada ayah sebelum kahwin; taat kepada suami selepas berkahwin; dan setia kepada anak apabila berada di rumah.

⁷⁸Elisabeth Eide, *China's Ibsen: From Ibsen to Ibsenism* (London: Curzon Press Ltd., 1987), hlm. 72.

Atas nama moral, kaum wanita disifatkan sebagai *xianqi liangmu* yang bermaksud menjadi seorang isteri yang mulia dan ibu yang baik, tetapi sebaliknya mereka diadu-dombakkan oleh konsep etika yang terpesong. Malah amalan mengikat kaki di kalangan anak-anak perempuan amat menyeksakan mereka. Mengikut tradisi Cina, amalan mengikat kaki dapat membendung jiwa nafsu kaum wanita beria-ria di luar rumah. Selain itu, amalan mengikat kaki menyebabkan perempuan bersikap lemah lembut dan dapat menambah kecantikan tubuh badan. Dari segi status sosial, undang-undang tidak pernah membela hak wanita dengan berkesan, anak perempuan tidak dibenarkan mewarisi harta pusaka keluarga. Mereka dilihat sebagai kaum yang pasif dan rendah tarafnya. Lelaki yang berfoya-foya merupakan aktiviti lumrah, manakala sikap ini dikira melanggar undang-undang sekiranya diamalkan oleh kaum wanita.

Hu Shi mengkritik masyarakat tradisional Cina telah memusnahkan keperibadian seseorang dengan paksaan dan menekan rohani individu daripada kebebasan serta kemerdekaan. Mengikut pandangan Ibsen, Hu berkata seseorang itu harus meningkatkan kebolehannya dan peribadi yang tersendiri. Berasaskan kepada pandangan ini, Hu menumpu perhatiannya ke atas kedudukan wanita yang tertekan di negara China, dan beliau memujuk wanita Cina menolak kongkongan daripada nilai-nilai tradisi serta meneguhkan kebebasan mereka.⁷⁹

Hu terus membincarakan bahawa wanita yang bebas dan beretika harus mengikut pandangan hidup yang terlepas daripada batasan prinsip *xianqi liangmu* semata-mata. Prinsip-prinsip seperti wanita tidak perlu menanggung ekonomi keluarga dan bekerja di

⁷⁹Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 296.

luar seperti lelaki yang harus diubahsuai. Kedua-dua wanita dan lelaki merupakan insan yang memiliki hak yang sama. Oleh itu, lelaki dan wanita memikul tanggungjawab yang sama dari aspek kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan. Aspek-aspek pengamalan tradisi yang melibatkan perkahwinan semula balu, pujian ke atas amalan balu yang bertindak membunuh diri selepas kematian suami; dan anak dara yang mengekalkan kesuciannya seumur hidup kerana kematian “suami” yang belum menjalankan perkahwinan rasmi mestilah dikritik kerana ia melampaui etika yang umum dan berdasarkan kepercayaan yang terpesong.⁸⁰

Menurut pandangan Hu, pembebasan wanita bukan tujuan terakhir, akan tetapi ia adalah suatu proses membebaskan setiap individu dan membentuk seseorang individu yang sihat. Demi kekuatan negara China yang baru, pembentukan individualisme yang sihat harus dimulakan dengan usaha membebaskan kaum wanita. Pada hal ini, pendidikan merupakan satu daya untuk melahirkan sikap wanita yang mampu bebas berfikir dan bertindak.⁸¹ Perbicaraan Hu selalu merujuk kepada akhlak watak-watak yang dihasilkan oleh Ibsen dalam drama terkenal seperti *Rumah Patung* dan *Hantu*. Watak perempuan Nora merupakan contoh teladan kepada kaum wanita yang berkeinginan hidup dengan bahagia. Hu mendedahkan masyarakat tradisional telah mengongkong wanita melalui tiga aspek iaitu peraturan, moral dan agama. Ketiga-tiga ini telah saling memenuhi untuk menyekat kebebasan wanita yang dilihat sebagai insan yang tiada potensi untuk meningkat kualiti peribadi. Beliau menegaskan wanita memiliki kualiti semula jadi yang

⁸⁰Hu Shi, *Hu Shi Zuopin Ji* 6 (Koleksi Hu Shi Keenam), hlm. 29-54.

⁸¹Elisabeth Eide, *China's Ibsen: From Ibsen to Ibsenism*, hlm. 76.

sama dengan lelaki, malahan konsep ini merupakan asas kepada usaha pembebasan wanita yang harus diterima secara umum.⁸²

Di samping menegakkan kebebasan wanita, Hu tetap mementingkan moral wanita yang unggul. Beliau cuba menerangkan moraliti yang dimiliki oleh seseorang wanita harus melebihi batasan dogma “isteri yang mulia dan ibu yang baik.” Mereka sepatutnya berhak mewarisi kebebasan menimba ilmu dan mendapatkan pekerjaan di luar rumah. Dengan cara ini, kaum wanita akan terbebas daripada sekatan atas nama kesucian.⁸³

Selepas Gerakan 4 Mei, keadaan kaum wanita mula dititikberatkan, kebebasan wanita semakin diutarakan terutamanya dalam bidang pendidikan memandangkan perempuan telah dibenarkan untuk menuntut di sekolah bahkan sekolah lelaki. Susulannya, sekolah wanita telah bertambah banyak di mana sebelum Gerakan 4 Mei hanya terdapat sebilangan kecil sekolah wanita tetapi pada tahun 1922, telah wujudnya 28 buah universiti dan kolej yang mempunyai pelajar wanita.⁸⁴ Mereka telah dapat meningkatkan tahap pembelajaran dan pemikiran. Selain itu, kaum wanita juga mula mengambil bahagian dalam demonstrasi yang diadakan dengan cergas dan berani memainkan peranan mereka dengan lebih baik dalam perjuangan kebangsaan Cina. Mereka bebas daripada belenggu peranan tradisi yang hanya tersekat sebagai suri rumah tangga dan pengasuh anak-anak. Dengan perubahan kedudukan sosial, wanita Cina mula memainkan peranan secara langsung ke atas perkembangan masyarakat dan negara.

⁸²Elisabeth Eide, *China's Ibsen: From Ibsen to Ibsenism*, hlm. 79-81.

⁸³Elisabeth Eide, *China's Ibsen: From Ibsen to Ibsenism*, hlm. 84.

⁸⁴Chow Tsee-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 258.

3.5 PENUTUP

Idea-idea Barat telah diketahui oleh sekumpulan kecil intelektual sebelum Gerakan 4 Mei tetapi idea-idea tersebut tidak menjadi satu momentum kuat yang dapat membawa perubahan kepada peradaban Cina sehingga Gerakan 4 Mei. Perubahan ini tidak hanya setakat kefahaman ideologi malah dengan daya yang mendadak ia merangkumi pengubahsuaian institusi dan stratifikasi masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa Gerakan 4 Mei juga mempunyai ketidak sempurnaan dalam pemodenan peradaban Cina memandangkan Gerakan 4 Mei itu hanya melibatkan golongan rakyat yang berilmu dan berada di bandar. Bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, Gerakan 4 Mei adalah kurang membawa makna kepada mereka.